

Angka kematian membimbangkan

Kuala Lumpur: Belia berusia 16 tahun hingga 20 tahun paling ramai terbunuh akibat kemalangan jalan raya sejak tahun 2006.

Sepanjang tempoh kajian berakhir Disember lalu, seramai 9,671 belia dalam kategori itu maut.

Ia mewakili 27.8 peratus daripada 34,766 belia berusia antara 16 hingga 40 tahun yang terbunuh akibat nahas dalam tempoh itu.

Statistik Bukit Aman menunjukkan belia berumur 21 hingga 25 tahun adalah kedua tertinggi dengan 9,113 kematian.

Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Abdul Haris Lakar, ber-

kata perangkaan itu menunjukkan angka kematian belia amat membimbangkan kerana mereka adalah generasi pelapis.

Penunggang, pembonceng

Katanya, walaupun jumlah kematian tanpa mengira peringkat usia tahun lalu menurun 241 kepada 6,674 kematian berbanding tahun sebelumnya, jumlah kematian belia tidak menunjukkan penurunan.

"Berdasarkan statistik sama, kebanyakan belia yang terkorban akibat jalan raya terdiri daripada penunggang dan pembonceng motosikal," katanya kepada BH.

Abdul Haris berkata, 4,179 pengguna motosikal terbunuh



Kebanyakan belia yang terkorban akibat jalan raya **terdiri daripada penunggang dan pembonceng motosikal.**

[FOTO HIASAN]

pada tahun lalu, iaitu 62.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kematian akibat kemalangan jalan raya.

BH

Bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini, 1,074 pengguna motosikal terbunuh berbanding 1,014 orang bagi tempoh yang

sama tahun lalu.

Katanya, peratusan kematian membabitkan pengguna motosikal yang tinggi, antara lain disebabkan kenderaan itu paling banyak di negara ini.

Pelbagai punca nahas

Berdasarkan statistik Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sehingga April lalu daripada 25,530,188 kenderaan berdaftar di negara ini, 46.29 peratus atau hampir 12 juta adalah motosikal.

"Pelbagai punca kemalangan membabitkan motosikal, antaranya faktor individu, persekitaran dan masalah pada kenderaan itu sendiri," katanya.

Sehubungan itu, Abdul Haris meminta pengguna motosikal supaya lebih berhati-hati dan memastikan kenderaan mereka berada dalam keadaan baik sebelum memulakan perjalanan.

"Antara usaha kami ke arah mengurangkan kematian akibat kemalangan ialah menggantikan topi keledar lama kepada yang baharu," katanya.